

08/08/2003

PM, Abdullah sertai 12,000 hadir di jamuan negeri

MELAKA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta isteri masing-masing adalah antara 12,000 tetamu yang akan menghadiri jamuan negeri, jam 8 malam esok.

Jamuan di Dewan Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh, dekat sini diadakan sempena majlis penutup Kejohanan Badminton Piala Perdana 2003 anjuran Bakti.

Pengerusi Jawatankuasa Jamuan yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Amid Nordin, berkata selain Dr Mahathir dan Abdullah, tetamu lain termasuk menteri dan timbalan menteri kabinet, ketua menteri dan menteri besar serta wakil rakyat Barisan Nasional (BN).

Sehubungan itu, beliau menasihati orang ramai yang ingin menghadiri jamuan itu datang lebih awal dan berada di dalam dewan jamuan sebelum jam 7.45 malam bagi memudahkan pengendalian majlis berkenaan.

"Oleh kerana jamuan ini membabitkan pelbagai lapisan rakyat, kita berharap orang ramai datang lebih awal dan meletakkan kenderaan di tempat yang disediakan.

"Mereka yang ingin menunaikan solat Maghrib boleh berbuat demikian di surau dan masjid MITC," katanya kepada pemberita, semalam.

Perdana Menteri dijadual tiba jam 4 petang esok untuk merasmikan majlis penutup dan penyampaian hadiah kepada pemenang Kejohanan Badminton Piala Perdana 2003 yang berlangsung di Mini Stadium Bistari, Ayer Keroh sejak Rabu lalu.

Kejohanan lima hari itu membabitkan 11 pasukan dari Perlis, Perak, Sabah, Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Johor, Negeri Sembilan, Sarawak, Pahang dan tuan rumah, Melaka.

Amid yang juga Ahli Dewan Undangan (Adun) Alai, berkata setakat ini persiapan sempena jamuan itu siap diatur termasuk persiapan menyambut kedatangan Perdana Menteri.

Beliau berkata, kira-kira 2,000 orang berpakaian pelbagai etnik akan menyambut ketibaan Perdana Menteri di pintu masuk dewan MITC yang sebelum itu Dr Mahathir akan diarak oleh 50 pengayuh beca berhias.

Katanya, pada majlis penutup jamuan itu diadakan pertunjukan bunga api selain konsert rakyat.